

## **PELAKSANAAN PENGURUSAN HAL EHWAL ISLAM (PHEI) MAJLIS AGAMA ISLAM SELANGOR (MAIS) TERHADAP PEMBANGUNAN EKONOMI MASYARAKAT ISLAM DI NEGERI SELANGOR DARUL EHSAN**

### **[MANAGEMENT OF ISLAMIC AFFAIRS (PHEI) SELANGOR ISLAMIC RELIGIOUS COUNCIL (MAIS) ON ECONOMIC DEVELOPMENT OF ISLAMIC COMMUNITY IN THE STATE OF SELANGOR]**

ABDUL QAHHAR IBRAHIM,<sup>1</sup> NOORSAFUAN CHE NOH,<sup>1</sup> & MOHD BORHANUDDIN ZAKARIA<sup>1</sup>

*Received Date:* 6 April 2019

*Accepted Date:* 20 April 2019

#### **Abstrak**

Pembentukan negara Malaysia adalah berdasarkan kepada kesatupaduan antara pelbagai negeri di samping kewujudan pelbagai etnik yang seterusnya membentuk satu jalur kehidupan yang pelbagai di Malaysia pada aspek agama, budaya, sosial dan ekonomi. Oleh itu, bagi memelihara perkembangan dan pengurusan hal ehwal agama Islam negeri maka telah diwujudkan satu institusi khusus yang bertanggungjawab dalam memastikan kedudukan agama Islam dan masyarakatnya sentiasa terpelihara dan maju terhadapan. Di Selangor khususnya, telah ditubuhkan satu badan agama yang berautoriti dalam menguruskan hal ehwal Islam negeri iaitu Majlis Agama Islam Selangor (MAIS). Badan ini mempunyai beberapa peranan khusus sesuai dengan apa yang termaktub dalam Enakmen Pentadbiran Agama Islam Negeri Selangor yang menjadi punca kuasa bagi MAIS. Artikel ditulis bertujuan untuk meneliti sejauh manakah peranan dan pelaksanaan MAIS dalam aspek pembangunan ekonomi masyarakat Islam di Selangor. Ini kerana pengurusan hal ehwal Islam tidak hanya terhad pada aspek sosial semata-mata bahkan ianya merangkumi setiap aspek dalam kehidupan seorang muslim itu sendiri. Kajian mendapati bahawa sememangnya MAIS mempunyai peranan dan fungsi besar dalam pembangunan ekonomi umat Islam di Negeri Selangor. Ini adalah berpandukan dasar utama MAIS yang menekankan aspek pembangunan kesejahteraan sosial dan ekonomi masyarakat Islam negeri. Justeru itu, segala usaha badan agama tersebut wajar dipuji dan dibantu dalam memastikan kesinambungan Pengurusan Hal Ehwal Islam (PHEI) sentiasa maju dan efektif sesuai dengan perkembangan zaman khususnya pada aspek ekonomi dan sosial.

**Kata Kunci:** MAIS, Ekonomi dan Negeri Selangor

#### **Abstract**

The formation of Malaysia is based on the indivisibility between various states as well as the existence of various ethnic groups, thus constituting a lifeline to many in Malaysia in terms of religion, culture, social and economic. Therefore, to maintain the development and management of the affairs of the state religion, it has established a special institution that is responsible for ensuring that the position of Islam

<sup>1</sup> Universiti Sultan Zainal Abidin, Terengganu, Malaysia.

**Corresponding Author:**

NOORSAFUAN CHE NOH, Pusat Pengajaran Dakwah, Pendidikan dan Peradaban Islam, Fakulti Pengajaran Kontemporari Islam, Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA), Kampus Gong Badak, 21300 Kuala Nerus, Terengganu, MALAYSIA.  
E-mail: noorsafuanen@unisia.edu.my

and its people are protected and advanced against. In Selangor in particular, has established a body of religious authority in managing the affairs of Muslim states, namely Selangor Islamic Religious Council (MAIS). The agency has a number of specific roles according to what is stipulated in Islamic Religious Administration Enactment Selangor State which is the square root of the MAIS. Articles written aims to examine the extent of the role and implementation of the MAIS in terms of economic development of the Muslim community in the state. This is because the management of the affairs of Muslims is not confined to the purely social aspect rather it covers every aspect of a Muslim's life itself. The study found that indeed MAIS has a great role and functions in the economic development of Muslims in Selangor. This is based on the key policy MAIS that emphasize economic development and social welfare of the Muslim community of the country. Therefore, all efforts of the religious body should be commended and assisted in ensuring the continuity of Islamic Affairs Management (PHEI) always advanced and effective in accordance with the times, especially in the economic and social aspects.

**Key Words:** MAIS, Economy, Selangor

**Cite This Article:**

Abdul Qahhar Ibrahim, Noorsafuan Che Noh & Mohd Borhanuddin Zakaria. 2019. Pelaksanaan pengurusan hal ehwal Islam (PHEI) Majlis Agama Islam Selangor (MAIS) terhadap pembangunan ekonomi masyarakat Islam di Negeri Selangor Darul Ehsan. *Asian Journal of Civilizational Studies (AJOCS)* 1(2): 34-43.

## Pengenalan

Setelah Tanah Melayu mencapai kemerdekaan dan kemudiannya apabila Malaysia ditubuhkan, maka peranan pengurusan Islam mula diberi perhatian. Beberapa peruntukan dalam Perlembagaan pada perkara 12(2) dan Senarai II Jadual Kesembilan telah memberi kekuatan kepada bidang pengurusan Islam secara khusus dan perkembangan Islam secara umum. Pembahagian kuasa yang jelas antara Kerajaan Pusat dan Kerajaan Negeri tentang Islam menyedarkan masing-masing pihak akan tanggungjawab masing-masing terhadap perkembangan Islam di negara ini.

Usaha-usaha memperbaiki dan menyempurnakannya terus berjalan dari satu masa ke satu masa dalam berbagai-bagai bidang (Mohd. Shahir Abdullah, 2000). Oleh itu, setiap negeri di Malaysia secara asasnya mempunyai satu badan khusus yang akan menguruskan urusan hal ehwal Islam di negeri masing-masing. Di mana setiap majlis agama Islam negeri mempunyai enakmen pentadbiran agama Islamnya yang tersendiri dan tidak mempunyai hubungan dengan majlis agama negeri yang lain di mana urusan agama berada di bawah Sultan atau Raja negeri masing-masing (Wan Hussin Azmi & Haron Din: 1985). Sultan atau Raja yang merupakan Ketua Agama Islam negeri menjadi tonggak asas bagi kewujudan Majlis Agama Islam Negeri (MAIN) dan berperanan untuk mengambil tahu dan maklum berkaitan apa-apa yang berhubung dengan agama Islam terutamanya pada aspek PHEI negeri.

Manakala negeri yang tidak mempunyai Sultan atau Raja maka Yang Di Pertuan Agong yang akan bertindak sebagai Ketua Agama Islam bagi memelihara kepentingan agama Islam dan masyarakatnya. Menariknya, setiap MAIN mempunyai dasarnya yang tersendiri yang menjadi asas kepada pelaksanaan PHEI negeri. Ianya selaras dengan apa yang telah termaktub dalam enakmen pentadbiran agama Islam negeri. Tanggungjawab pengurusan Islam negeri Selangor terletak di bawah Majlis Agama Islam Selangor yang menjadi penggubal dasar PHEI

negeri, manakala Jabatan Agama Islam Selangor pula bertindak sebagai pelaksana dasar yang telah digubal. Justeru itu, satu kajian penelitian telah dibuat oleh penulis bagi melihat sejauhmanakah peranan MAIS dalam aspek pembangunan ekonomi di Negeri Selangor Darul Ehsan.

## LATAR BELAKANG MAIS

MAIS adalah sebuah badan khusus yang menyelenggara pengurusan hal ehwal Islam di Negeri Selangor Darul Ehsan. Menurut Razaleigh Muhamat@Kawangit (2005: 12) pengurusan dalam Islam kadang-kadang juga disebut sebagai pengurusan hal ehwal Islam atau kadang-kadang juga disebut sebagai pentadbiran hal ehwal Islam merujuk kepada sistem pentadbiran awam di Malaysia. Ini kerana status undang-undang negara meletakkan bahawa urusan hal ehwal Islam itu adalah urusan yang melibatkan pengorganisasian yang dikawal oleh sesbuah negeri. Oleh itu kewujudan organisasi Islam secara tidak langsung akan melahirkan satu sistem pengurusan yang dipanggil pengurusan hal ehwal Islam. Walau bagaimana pun menurut Ideris Endot et al. (2011 :140) dasar dan sistem pentadbiran hal ehwal agama Islam oleh Majlis dan Jabatan Hal Ehwal Agama Islam di Malaysia telah mengalami perubahan sejak dari zaman penjajahan hingga mencapai kemerdekaan dan kelahiran Malaysia selepas 1963.

MAIS merupakan satu entiti pertubuhan perbadanan (*a body corporate*) menurut Seksyen 5(1) Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Selangor) 2003. Pada 1 Mac 2005, Pentadbiran Bahagian Pengurusan Baitulmal (BPB) telah dipindahkan dari Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS) ke MAIS dan telah disahkan oleh Mesyuarat MAIS pada 14 April 2005. Pengasingan ini adalah menepati kehendak peruntukan Seksyen 81(3) Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Selangor) 2003 yang menyatakan bahawa MAIS berkuasa untuk mentadbir dan berhak kepada semua wang dan harta Baitulmal (MAIS, 2019). Malah Selangor merupakan negeri yang terawal menggubal enakmen pentadbiran hukum syarak yang kini dikenali sebagai Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Selangor) yang menjadi asas kepada PHEI negeri.

Oleh itu, sebagai suatu institusi yang ditubuhkan oleh suatu enakmen yang tertentu. Ianya tertakluk kepada bidang kuasa dan peraturan-peraturan yang telah ditetapkan. Ianya merupakan sebuah badan yang tertinggi mengenai pentadbiran agama Islam di negeri-negeri berkenaan, tetapi kuasanya adalah terbatas dalam lingkungan melaksanakan Undang-undang Pentadbiran Agama Islam (Hailani Muji Tahir & Md. Akhir Yaacob, 1984:69).

Di samping itu, MAIS telah membentuk satu visi dan misi yang jelas dalam memperkasakan lagi PHEI negeri di mana visi MAIS adalah untuk menjadi sebuah organisasi (perbadanan) Islam yang teguh, berwibawa, dihormati dan dicontohi tahun 2025. Manakala misi yang telah ditetapkan pula adalah Membangunkan ummah melalui pembentukan masyarakat berilmu, beramal, beriman dan berakhlik, ekonomi yang perkasa, usaha-usaha dakwah yang berkesan, pengurusan harta yang cekap dan institusi agama yang proaktif (Laporan Tahunan MAIS 2017: 5).

Pada asasnya tanggungjawab MAIS adalah untuk memajukan dan memelihara kesejahteraan ekonomi dan sosial masyarakat Islam di Selangor. Ini adalah sebagaimana yang tertulis dalam enakmen pentadbiran agama Islam negeri seperti mana berikut:

“Maka hendaklah menjadi kewajipan majlis untuk menggalakkan, mendorong, membantu dan mengusahakan kemajuan dan kesejahteraan ekonomi dan sosial masyarakat islam di dalam negeri selangor selaras dengan hukum syarak”. Seksyen 7, Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Selangor) 2003.

Pada awal penubuhannya, fungsi MAIS adalah untuk menasihati DYMM Sultan sebagaimana diperuntukkan dalam Seksyen 37 Enakmen Pentadbiran Undang-undang Islam 1952 (Enakmen No. 3 Tahun 1952) yang menyatakan seperti berikut:

“Majlis bagi pihaknya dengan kuasa dikurniakan oleh DYMM Sultan bagi sifatnya menjadi Ketua Agama Negeri inil Hendaklah menolong dan menasihatkan kepada DYMM Sultan di atas segala perkara yang berkaitan dengan Agama Negeri dan Adat Istiadat Melayu, dan hendaklah di dalam segala perkara-perkara itu menjadi kuasa yang tertinggi sekali di dalam negeri ini melainkan yang ada berlawanan dengan perkara yang tersebut di dalam Undang-undang ini.”

Walau bagaimanapun, pada tahun 2003, fungsi MAIS tersebut telah dimansuhkan dan digantikan dengan Seksyen 6 Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Selangor) 2003 sebagaimana berikut:

“Majlis hendaklah membantu dan menasihati DYMM berkenaan dengan semua perkara yang berhubungan dengan Agama Islam di dalam Negeri Selangor, kecuali perkara-perkara Hukum syarak dan berhubungan dengan pentadbiran keadilan, dan dalam semua perkara sedemikian hendaklah menjadi pihak berkuasa utama di dalam Negeri Selangor selepas Duli Yang Maha Mulia Sultan, kecuali jika diperuntukkan selainnya dalam Enakmen ini.”

MAIS mempunyai tanggungjawab yang jelas berhubung pelaksanaan PHEI di Negeri Selangor. Malah institusi tersebut perlu bertindak sesuai dengan ruang lingkup kuasa yang diberikan selaras dengan enakmen-enakmen berkaitan urus tadbir hal ehwal Islam negeri. Antara kuasa MAIS adalah seperti mana berikut:

1. Menjalankan aktiviti komersial dan perindustrian
2. Menubuhkan perbadanan atau syarikat
3. Bekerjasama dalam menjalankan apa-apa kegiatan dengan mana-mana pihak
4. Membuat apa-apa pelaburan yang dibenarkan
5. Menubuhkan apa-apa pelaburan yang dibenarkan
6. Menubuhkan apa-apa skim pinjaman daripada Baitulmal
7. Melakukan perkara lain suai manfaat
8. Menubuhkan sekolah Islam, institusi latihan dan penyelidikan wasiatus sesuatu wasiat
9. Pentadbir harta pusaka
10. Pemegang amanah tunggal wakaf
11. Memegang dan menikmati apa-apa harta alih dan tidak alih
12. Pemegang amanah masjid
13. Mengislamkan dan menjaga mualaf (Laporan Tahunan 2014 MAIS)

Sekiranya diteliti kebanyakkan tanggungjawab MAIS adalah banyak tertumpu pada aspek pembangunan ekonomi umat Islam. Ini berbeza dengan Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS) di mana gerak kerjanya banyak tertumpu kepada aspek pemeliharaan sosial umat Islam di Selangor. Antara fungsi JAIS dalam usaha memelihara kesejahteraan sosial masyarakat Islam Selangor adalah dengan mewujudkan Bahagian Pengurusan Penguatkuasaan (BPP). Menurut Azrin Ibrahim (2014: 93) Badan Penguatkuasa (BP) di jabatan agama Islam dilihat mempunyai perkaitan dengan hisbah dari aspek penguatkuasaan terhadap aktiviti sosial dan kemasyarakatan. Muhammad Haniff Baderun dan Zuliza Mohd Kusrin (2014: 96) menjelaskan bahawa segala perkara berhubung dengan pelaksanaan dasar dan keputusan yang dibuat oleh Raja atau Sultan dan Majlis Agama Islam dijalankan oleh Jabatan Agama Islam atau Jabatan Hal Ehwal Islam, Jabatan Mufti, Pusat Lembaga Zakat, Jabatan Kehakiman Syariah, dan agensi-agensi berkaitan sebagai jentera pelaksana kepada polisi dan dasar yang ditetapkan oleh Majlis Agama Islam dan diperkenankan oleh Yang di-Pertuan Agong atau Raja atau Sultan.

Justeru itu, segala langkah usaha MAIS adalah berpandukan dasar yang telah ditetapkan dalam enakmen tersebut. Di samping itu JAIS juga dilihat sebagai satu entiti yang banyak membantu MAIS dalam merealisasikan dasar di atas khususnya dalam aspek pembangunan sosial. Ini kerana JAIS adalah satu badan agama Islam yang secara strukturnya berada dibawah MAIS sebagai pelaksana dasar PHEI negeri. Ini berbeza dengan amalan PHEI di Terengganu, di mana Jabatan Hal Ehwal Agama adalah bukan Majlis Agama. Tugas-tugasnya ialah sebagai satu badan di bawah bidang kuasa Pesuruhjaya Hal Ehwal Agama Islam Negeri mengikut undang-undang pentadbiran syarak di Negeri Terengganu (Ideris Endot et al: 2011). Malah MAIS juga turut menetapkan beberapa objektif utama yang menjadi matlamat kepada PHEI MAIS, iaitu:

1. Memastikan DYMM Sultan Selangor dinasihati secara profesional mengenai hal ehwal pentadbiran Islam.
2. MAIS berorientasikan strategi dan berprestasi tinggi (HPO).
3. Syiar Islam berimpak tinggi
4. Sistem penyampaian yang cekap dan diiktiraf
5. Mengukuhkan kewangan dan harta secara lestari (Pro-growth)
6. Melahirkan modal insan yang progresif, kompeten dan berwibawa

Oleh itu, bagi mencapai segala objektif tersebut maka MAIS telah menyusun beberapa strategi yang mapan agar ianya tercapai, strategi yang telah ditetapkan adalah sebagaimana berikut:

1. Pembentukan masyarakat berilmu, beriman, beramal dan berakhlik
2. Pemerkasaan ekonomi dan pengurusan harta yang efisyen dan efektif
3. Pengurusan Dakwah yang komprehensif dan berkesan
4. Pengukuhan jaringan kerjasama institusi Islam

Jika dilihat, MAIS secara jelasnya meneliti dan menyusun strategi yang difikirkan sesuai dalam usaha untuk mencapai maksud Misi dan Objektif yang telah ditetapkan. Kesemua strategi tersebut dibuat dan telah dikaji dengan teliti dalam usaha merealisasikan maksud dasar

itu sendiri. JAIS pula bertindak sebagai badan pelaksana bagi dasar tersebut, bergerak sesuai dengan strategi yang telah diterapkan agar ianya dapat dilaksanakan sesuai dengan kehendak dasar itu sendiri. Strategi ini juga dibentuk dan disusun adalah bertujuan untuk memantapkan lagi proses pengurusan hal ehwal Islam di Selangor. Agar ianya dapat menjaga dan memelihara perkembangan agama Islam dan hak masyarakat Islam sesuai dengan perkembangan zaman pada masa kini.

Oleh itu, dalam usaha memenuhi visi, misi dan objektif yang bersumberkan Dasar dan Strategi yang telah ditetapkan maka MAIS telah mereka satu slogan iaitu “Menjunjung Amanah” yang menjadi asas kepada kesedaran, pelaksanaan dan tanggungjawab sebenar MAIS bagi memartabatkan tahap sosial dan ekonomi umat Islam di Negeri Selangor selaras dengan peruntukan enakmen pentadbiran agama Islam negeri berhubung tugas dan amanah MAIS itu sendiri.

Slogan ini menjelaskan peranan dan kewajipan MAIS merujuk kepada seksyen 7(1), Enakmen Pentadbiran Agama Islam Negeri Selangor dalam mendefinisikan kewajipan majlis untuk menggalakkan, mendorong, membantu dan mengusahakan kemajuan dan kesejahteraan ekonomi dan sosial masyarakat Islam di dalam Negeri Selangor selaras dengan hukum syarak. Kemajuan ekonomi pula merangkumi zakat, wakaf, pentadbir harta pusaka, pengurusan wasiat, wang tidak patuh syariah, pembangunan hartanah, *luqatah*, hibah dan pungutan khairat. Manakala kesejahteraan sosial pula merangkumi masjid, anak yatim, institusi pendidikan Islam dan 8 golongan asnaf iaitu fakir, miskin, amil, mualaf, *riqab*, *gharim*, *fisabilillah* dan *ibn sabil*. Secara umumnya perkataan “MENJUNJUNG AMANAH” merujuk kepada maksud mematuhi dan menghormati titah perintah DYMM Tuanku serta mematuhi peraturan dalam memastikan kemajuan ekonomi serta kesejahteraan sosial Negeri Selangor dilaksanakan (MAIS 2019).

## **JENTERA PELAKSANAAN PHEI MAIS**

Terdapat beberapa Unit atau Bahagian-Bahagian di MAIS yang menjadi tulang belakang kepada MAIS agar pelaksanaan PHEI MAIS sentiasa teratur dan berkesan. Malah kewujudan bahagian-bahagian tersebut dilihat amat penting bagi MAIS dalam memastikan tanggungjawab pemerkasaan sosial dan ekonomi umat Islam di Selangor berada pada tahap yang memuaskan dan membangun. Di samping itu terdapat lapan sektor yang telah diwujudkan dalam organisasi MAIS pada masa kini. Antara bahagian-bahagian tersebut adalah seperti berikut:

1. Sektor Pembangunan Sosial yang terdiri daripada beberapa bahagian atau unit penting iaitu Bahagian Khidmat Pengurusan Sosial, Bahagian Pemulihan Ar-Riqab, Bahagian Pendaftaran Mualaf dan MAIS Daerah.
2. Sektor Baitulmal yang terdiri daripada tiga bahagian utama Bahagian Harta Baitulmal, Bahagian Kewangan dan Bahagian Pelaburan dan Pengurusan Dana
3. Sektor Penyelidikan & Perancangan Strategik yang juga terdiri daripada tiga bahagian utama iaitu Bahagian Penyelidikan, Pusat Pengetahuan dan Bahagian Perancangan Strategik
4. Sektor Khidmat Pengurusan yang mempunyai tiga unit penting seperti Bahagian Pengurusan Sumber Manusia, Bahagian Teknologi Maklumat dan Bahagian Pentadbiran

5. Sektor Hartanah yang mempunyai dua bahagian utama iaitu Bahagian Pengurusan Projek dan Bahagian Pengurusan Hartanah
6. Sektor Hartanah yang juga mempunyai dua bahagian khusus iaitu Bahagian Pengurusan Projek dan Bahagian Pengurusan Hartanah
7. Bahagian Undang-Undang
8. Bahagian Audit Dalaman

## **PELAKSANAAN PHEI MAIS KEPADA PEMBANGUNAN EKONOMI MASYARAKAT ISLAM**

Sekiranya diteliti terdapat pelbagai usaha dan langkah yang telah dilaksanakan bagi memenuhi kehendak Dasar PHEI MAIS dalam menggalakkan dan membangunkan ekonomi umat Islam di Negeri Selangor. Antara langkah-langkah yang telah diambil oleh MAIS dan boleh dilihat dengan jelas adalah melalui penubuhan bahagian-bahagian khusus dalam pengurusan MAIS yang bertindak menguruskan hal ehwal pembangunan ekonomi Islam antaranya adalah:

1. Mewujudkan Sektor Baitulmal yang terdapat dibawahnya tiga bahagian utama iaitu:
  - a. Bahagian Harta Baitulmal yang berperanan untuk:
    - i. Mengurus dan mempromosi produk perkhidmatan Baitulmal iaitu wasiat, hibah, wang tidak patuh syariah, wang orang berhutang, harta *luqatah*, faraid dan lain-lain.
    - ii. Menguruskan permohonan pungutan khairat (derma) dalam Negeri Selangor.
    - iii. Membekalkan khidmat nasihat pengurusan harta pusaka.
  - b. Bahagian Kewangan berfungsi:
    - i. Menguruskan terimaan hasil, semakan hasil, pembayaran, panjar wang runcit, tabung amanah dan semua tuntutan.
    - ii. Menguruskan penyata kewangan MAIS dan anak syarikat, sistem perakaunan dan pindah peruntukkan.
    - iii. Menguruskan laporan serta semakkan kewangan MAIS dan anak syarikat.
    - iv. Menguruskan dan mengawal penyediaan belanjawan MAIS.
  - c. Bahagian Pelaburan dan Pengurusan Dana yang berfungsi:
    - i. Merancang, mengurus dan memantau aktiviti pelaburan dan pengurusan dana MAIS.
    - ii. Melaksana analisis dan penilaian (*feasibility study*) kewangan ke atas cadangan projek MAIS.

2. Sektor Hartanah berada dibawahnya dua bahagian khusus dengan fungsinya yang tersendiri, iaitu:
  - a. Bahagian Pengurusan Projek:
    - i. Mengurus Pelan Pembangunan Tanah MAIS.
    - ii. Mengurus projek pembangunan harta tanah MAIS secara usahasama bersama anak syarikat MAIS.
    - iii. Mengurus penyelenggaraan harta tanah MAIS.
    - iv. Mengurus pelaksanaan projek sosial dan ekonomi MAIS.
    - v. Mengurus kontrak perkhidmatan premis-premis MAIS.
    - vi. Mengurus bil-bil utiliti harta tanah MAIS.
    - vii. Mengkaji kesesuaian tanah.
    - viii. Sekretariat bagi Mesyuarat Jawatankuasa Pemantauan Projek MAIS, Mesyuarat Jawatankuasa Teknikal Pembangunan Hartanah MAIS, Mesyuarat Jawatankuasa Pelaburan dan Mesyuarat Jawatankuasa Exco Pelaburan MAIS.
  - b. Bahagian Pengurusan Hartanah yang berfungsi:
    - i. Menambahkan dan meningkatkan nilai harta tanah MAIS.
    - ii. Memastikan pengurusan dan perekodan harta tanah MAIS dilaksanakan dengan bersistematis dan komprehensif.
    - iii. Memastikan pengurusan harta tanah MAIS dipantau secara berkala bagi mendatangkan pulangan hasil yang maksimum kepada MAIS.
3. Penubuhan Perbadanan Wakaf Selangor (PWS) adalah merupakan salah satu usaha yang dilihat menyumbang kepada pembangunan sosial dan ekonomi masyarakat Islam di Selangor. Tanggal 30 Oktober 2009, DYMM Tuanku Sultan Selangor bertitah supaya pihak MAIS menubuhkan Perbadanan Wakaf Selangor (PWS) agar pengurusan wakaf dapat diperkasakan seperti pengurusan zakat. Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Wakaf MAIS Bil. 1/2010 yang bersidang pada 8 Februari 2010 telah memutuskan untuk mewujudkan PWS selaras dengan titah DYMM Sultan Selangor dan Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Selangor) 2003 Pindaan 2008. Mesyuarat MAIS Bil. 3/2010 yang bersidang pada 29 Jun 2010 telah bersetuju untuk menubuhkan PWS di bawah peruntukan Seksyen 8, Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Selangor) 2003 Pindaan 2008. Mesyuarat MAIS Bil. 4/2010 yang bersidang pada 5 Oktober 2010 telah bersetuju dengan cadangan pelantikan Pengerusi dan Pengurus Besar PWS dan perintah Penubuhan Perbadanan Wakaf Selangor 2011 telah diperkenankan oleh DYMM Tuanku Sultan Selangor pada 11 Januari 2011 dan diwartakan pada 3 Februari 2011(Perbadanan Wakaf Selangor 2019).
4. Mewujudkan Lembaga Zakat Selangor (LZS), Lembaga Zakat Selangor (MAIS) yang ditubuhkan 20 tahun lalu, begitu sinonim dengan pengurusan zakat di Negeri Selangor. Sebagai institusi zakat yang memegang amanah, LZS (MAIS) terus komited menguruskan dan memanfaatkan potensi kutipan zakat serta memastikan pengagihan zakat yang dilaksanakan efisien, efektif dan berkesan selaras dengan tuntutan syarak.

Melalui moto ‘Meneraju Perubahan’, LZS (MAIS) sentiasa berusaha memberikan perkhidmatan terbaik kepada para pelanggannya iaitu pembayar dan penerima zakat. Dibantu dengan tenaga lebih 400 orang warga kerja serta disokong oleh 25 buah cawangan LZS di seluruh Selangor, LZS (MAIS) terus menjalankan amanah sebagai *amil* dan *amilin* yang mempunyai integriti, jujur dan telus dalam melaksanakan tanggungjawabnya. Malah dalam tempoh dua dekad penubuhannya, LZS (MAIS) meningkatkan kecemerlangannya sebagai institusi zakat yang disegani dengan sentiasa mempergiatkan gerak kerja dakwah bagi memastikan lebih ramai masyarakat menunaikan rukun Islam ini. Manakala, pengagihan zakat juga ditambah baik agar menyeluruh dan berkesan kepada lapan *asnaf* yang ditetapkan dalam al Quran melalui lima program pembangunan utama *asnaf* iaitu Program Pembangunan Sosial, Pendidikan, Ekonomi, Insan dan Pembangunan Institusi Agama. Pada hari ini, LZS (MAIS) berdiri menjadi institusi zakat yang berwawasan dan mengamalkan pengurusan terbaik dalam menjana dan memartabatkan kecemerlangan bukan sahaja *asnaf* malahan ummah secara keseluruhannya. Terdapat ramai usahawan yang berdaya maju dilahirkan, anak-anak *asnaf* cemerlang dalam pendidikan dapat menyambung pengajian, keluarga mempunyai tempat perlindungan yang selesa malahan bebanan kos perubatan tinggi dapat diringankan (Lembaga Zakat Selangor 2019). Melalui pengurusan zakat yang cemerlang maka masyarakat Islam di Negeri Selangor dapat memperolehi manfaat pada aspek pembangunan sosial dan ekonomi khususnya. Malah peranan LZS ini cukup besar dalam mewujudkan keharmonian dan kesejahteraan umat Islam Selangor dan ianya selaras dengan Dasar dan Strategi PHEI MAIS iaitu untuk menggalakkan dan memajukan sosial serta ekonomi Islam.

Jelasnya MAIS begitu komited dalam merealisasikan dasar dan objektif yang telah ditetapkan. Malah penambahbaikan secara dalaman dan luaran juga telah dijalankan dari semasa ke semasa demi menjaga kemaslahatan masyarakat Islam negeri. Melalui penubuhan sektor atau bahagian-bahagian tertentu yang bekerja khusus untuk pembangunan ekonomi Islam di Selangor dapat menonjolkan keprihatinan MAIS terhadap ekonomi Islam. Di samping itu, penubuhan institusi penting dan strategik seperti Lembaga Zakat Selangor (LZS) dan Perbadanan Wakaf Selangor (PWS) dapat menyerahkan lagi fungsi MAIS sebagai badan agama yang benar-benar berperanan dalam pembangunan ekonomi masyarakat Islam di Negeri Selangor Darul Ehsan.

## KESIMPULAN

MAIS dilihat begitu komited dan sentiasa memainkan peranan penting dalam usaha pembangunan ekonomi masyarakat Islam di Negeri Selangor. Ini dapat ditelusuri melalui pelbagai gerak kerja yang telah dilaksanakan demi kepentingan umat Islam. Ia selaras dengan Dasar dan Strategi Pentadbiran Hal Ehwal Islam MAIS yang perlu menumpukan pada dua aspek utama iaitu kesejahteraan sosial dan ekonomi umat Islam. Malah pelbagai pembaharuan dan langkah-langkah baru yang telah di ambil demi mencapai objektif yang telah ditetapkan. Peranan dilihat amat penting dalam memastikan kedudukan agama Islam dan masyarakatnya sentiasa terpelihara dan maju sesuai dengan perkembangan semasa. Tanggungjawab, tugas dan

bidang kuasa MAIS adalah tertakluk kepada apa yang termaktub dalam Enakmen Pentadbiran Agama Islam Negeri Selangor. Di samping itu antara tugas badan tersebut adalah melaksanakan amar makruf nahi Munkar sesuai dengan kuasa yang telah diberikan demi menjaga kemaslahatan agama dan penganutnya. Oleh itu, wajar sekali setiap pihak yang punya tanggungjawab dan kesedaran sentiasa memberikan sokongan, bantuan dan buah fikiran yang bernalas untuk memantapkan Pengurusan Hal Ehwal Islam (PHEI) MAIS di Selangor khususnya pada aspek pembangunan dan pembasmian fahaman atau mana-mana perkara yang boleh mengganggu gugat kestabilan Islam dan masyarakat Islam di Negeri Selangor Darul Ehsan.

## RUJUKAN

- Azrin Ibrahim. 2014. *Amalan Hisbah di Malaysia*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka. Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Selangor) 2003.
- Ideris Endot, Zulkiple Abd. Ghani, Ahmad Redzuwan Mohd. Yunus & Abd. Ghafar Ismail. 2011. Dasar dan Sistem Pentadbiran Hal Ehwal Islam di Malaysia: Analisis Khusus Pengurusan Kewangan MAIDAM. Ahmad Redzuwan Mohd. Yunus & Salasiah Hanin Hamjah (pnyt.). *Pengurusan Organisasi Dakwah*. hlm. 125-142. Bangi: Jabatan Dakwah dan Kepimpinan, Fakulti Pengajian Islam UKM.
- Laporan Tahunan 2014 Majlis Agama Islam Selangor.
- Laporan Tahunan 2017 Majlis Agama Islam Selangor.
- Lembaga Zakat Selangor (LZS). 2019. <https://www.zakatselangor.com.my/> [19 November 2019]
- Hailani Muji Tahir & Md. Akhir Yaacob. 1984. *Islam Dan Beberapa Persoalan Semasa* (2). Bangi: al-Rahmaniah (Badan Dakwah Dan Kebajikan Islam Malaysia).
- Mohd. Shahir Abdullah. 2000. Penyelarasan Pengurusan Islam Peringkat Negeri dan Kebangsaan. Abdul Ghafar Don, Berhanundin Abdullah & Zulkiple Abd. Ghani (pnyt.). *Dakwah dan Pengurusan Islam di Malaysia: Konsep dan Pelaksanaan*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Muhammad Haniff Baderun & Zuliza Mohd Kusrin. 2014. Fungsi & Bidang kuasa Majlis Agama Islam di Malaysia. *International Seminar Proceeding UIN Malang*, hlm. 93-99.
- Perbadanan Wakaf Selangor. 2019. <http://www.wakafselangor.gov.my/> [24 November 2019].
- Razaleigh Muhamat @ Kawangit. 2005. *Pengurusan Hal Ehwal Islam di Pusat Islam IPT*. Bangi: Pusat Islam Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Wan Hussin Azmi & Haron Din. 1985. *al-Da'wah al-Islamiyyah fi Malizia: Zuhuruha wa Intisyaruha*. Kuala Lumpur: Percetakan Watan Sdn Bhd.